

DUKE mula operasi kutip tol

KUALA LUMPUR 8 Feb. – Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE) mula mengenakan tol kepada pengguna tepat pukul 12.01 tengah malam tadi bagi beberapa laluan.

Laluan yang terlibat ialah, bahagian lebuhraya yang bermula dari Plaza Tol NKVE sehingga ke Jalan

Kuching, dan bahagian DUKE yang bersambung dari arah timur merentasi jalan-jalan jejari seperti Semarak, Jalan Setiawangsa, Jalan Ulu Klang ke Jalan Lingkaran Tengah Dua (MRR2).

Turut terlibat ialah bahagian DUKE yang bermula dari hubungan Duta/Ulu Kelang dan di selatan pinggirannya yang berpusat di Batu Caves.

Bagi plaza tol keluar hubungan Ulu Klang di Ayer Panas dan Hubungan Karak di Sentul, kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (kecuali teksi dan bas) kadar tol yang dikenakan ialah RM2.

Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (kecuali bas) dikenakan tol sebanyak RM3 manakala RM4 akan dikenakan bagi kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (kecuali bas).

Untuk teksi dan bas pula, kadar tol yang dikenakan masing-masing ialah RM1 untuk teksi dan RM0.70 untuk bas.